



Headline: Rugi RM101,000 ditipu Macau Scam

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 25 May 2021

Language: Malay

Section: Nasional

Page: 22

Rugi RM101,000 ditipu Macau Scam

Sibu: Seorang kerani akaun berusia 37 tahun ke rugian RM101,000 selepas ditipu sindiket Macau Scam kononnya mempunyai tunggakan bil telefon pada 18 Mei lalu.

Ketua Polis Daerah Sibu, Asisten Komisioner Stanley Jonathan Ringgit,

berkata mangsa yang tinggal di kawasan perumahan di Jalan Satria di sini, menyedari dirinya ditipu selepas membuat 12 kali transaksi pembayaran ke enam akaun bank dimiliki individu berbeza.

“Kejadian bermula pada jam 8.30 pagi 18 Mei lalu

apabila mangsa menerima panggilan seorang lelaki mendakwa pegawai Telekom Malaysia dan menyatakan mangsa ada tunggakan bagi nombor telefon di Kuantan, Pahang berjumlah RM537.45,” katanya dalam kenyataan, di sini, semalam. BERNAMA